

Walaupun, ADH 0
521
140/80

Rail Uday
S. U. Polih

Uchapan Yang Berhormat Enche Hussein bin Onn,
Menteri Pelajaran Malaysia merangkap Yang
di-Pertua, Persatuan Sejarah Malaysia dalam
Meshuarat Majlis Tahunan Kali yang Kelapan
belas di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,
pada hari Sabtu 8hb. April, 1972 jam 4.00 petang

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Yaacob,
Tuan Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, Pengerusi, Jawatan Kuasa Kerja,
Persatuan Sejarah Malaysia,
Tuan2 dan Puan2 sekalian.

Saya ingin mengucapkan berbilang2 terima kaseh kerana penghormatan tinggi yang di-berikan kepada saya dengan melantek saya sa-bagai Yang di-Pertua, Persatuan Sejarah Malaysia sa-bagai mengambil tempat Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Dato Hussein yang telah berkhidmat sa-bagai Yang di-Pertua sa-begini lama. Saya sukachita mendapat tahu yang beliau telah bermurah hati pula menerima perlantikan sa-bagai Penaung, Persatuan Sejarah Malaysia. Persatuan ini berasa amat bertuah mendapat Y.A.B. Tun Perdana Menteri kita sa-bagai Penaung dan bagi pihak Persatuan ini saya suka menyampaikan sa-tinggi2 terima kaseh kepada beliau. Saya ingin menyatakan rasa terhutang budi kepada Y.B. Dato Hamzah bin Abu Samah kerana sudi meneruskan sa-bagai Naib Yang di-Pertua dan beliau tidak dapat hadir kerana ada urusan rasmi di-Temerloh. Saya juga dengan sangat sukachita-nya mengalu2kan Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob yang telah bersetuju untok menjadi Naib Yang di-Pertua Persatuan Sejarah kita.

Semenjak Persatuan ini di-tubuhkan pada 30hb. April, 1953 ia-itu 18 tahun dahulu, ramai orang dalam dan di-luar negeri bukan sahaja telah ma'alum tentang peranan serta aktibiti2 Persatuan ini bahkan telah memberi berbagai2 bantuan sa-chara langsung dan tidak langsung untok menjayakan rancangan2 Persatuan ini. Persatuan ini telah berjaya menerbitkan 25 naskhah majallah "Malaysia in History" dan juga beberapa naskhah majallah "Malaysia dari segi sejarah" dalam Bahasa Malaysia dan telah juga meletakkan papan2 peringatan di-tempat2 yang bersejarah saperti di-Kota Kuala Kedah; Kota Raja Mahadi, Klang; Kota Malawati, Kuala Selangor; Kota Lukut, Negeri Sembilan; Makam di-Raja Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Pagoh, Muar;

Makam Sultan yang pertama di-Perak, Telok Bakong; Makam Bendahara Abdul Majid Tun Habab di-Kota Tinggi; Perkuboran Dol Said, Naning, Melaka; Masjid yang tertua sekali di-Malaysia, Kampong Laut, Kelantan, dan pokok getah asli yang tertua di-Malaysia di-Kuala Kangsar.

Di-bawah anjoran Persatuan ini, 26 buah cheramah di-atas tajok "Sejarah Malaysia sa-pintas lalu" telah di-siarkan melalui Radio Malaysia dan cheramah2 itu telah pun di-bukukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Dalam tahun ini Persatuan Sejarah Malaysia dengan kerjasama daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan menerbitkan sa-buah buku bertajok "Sejarah Malaysia Bergambar" (Pictorial History of Malaysia) dan dua Jalor Filem (Film Strips) bertajok "Warisan Bumiputera" dan "Pertemuan antara Kebudayaan".

Chawangan Negeri yang terakhir ia-itu Chawangan Negeri Kelantan telah di-tubuhkan dengan rasmi-nya pada 27hb. Mach, 1972. Dengan ini semua-nya negeri2 di-Malaysia Barat telah mempunyai chawangan2 Persatuan Sejarah Malaysia dan tuan2 dan puan2 ada-lah wakil2 daripada negeri2 yang sangat di-harapkan dapat membuat beberapa kejayaan sa-berapa segera. Dalam lawatan saya ka-Sarawak, langkah2 telah juga di-ambil untok menubuhkan chawangan Persatuan Sejarah di-Sarawak dan tidak lama lagi di-Sabah pula. Saya ingin menyeru semua Chawangan2 Negeri supaya mengadakan ranchangan2 bagi tahun 1972/1973 dan melaksanakan ranchaggan2 atau gerak-kerja2 yang konkrit dengan jaya-nya. Kekuatan Persatuan Sejarah Malaysia ada-lah berharap dan bergantung kejayaan-nya pada sumbangan2 daripada Chawangan2 Negeri. Chawangan2 Negeri hendak-lah bekerjasama dengan Persatuan2 Sejarah di-Sekolah2 dan badan2 sejarah dalam pertubohan2 yang tertentu di-negeri masing2.

Murid2 sekolah hendak-lah di-beri pimpinan dan galakan untok mengkaji sejarah tempatan (local history) berhubung dengan panganjor2, peristiwa2 dan pembenaan2 yang penting kerana kajian sejarah tempatan saperti itu akan menghidupkan sejarah nasional. Saya suka menyeru kapada guru2 tawarikh supaya mereka membawa nafas baharu dalam pengajaran tawarikh. Pengajian tawarikh telah banyak berubah dan tujuan2 baharu, kaedah2 baharu dan perhubungan2 baharu dengan mata2 pelajaran lain telah pun munchul. Buku2 yang berhubung dengan sejarah tempatan hendak-lah di-simpan dalam perpustakaan darjah atau sekolah untok membolehkan murid2 membuat kajian yang sempurna. Dengan berbuat demikian, sikap murid2 terhadap sejarah Tanah Ayer kita dapat-lah di-bentok berdasarkan semangat dan keperibadian nasional.

Saya sangat2lah berharap lebeh banyak lagi orang2 ramai akan menjadi ahli Persatuan Sejarah Malaysia dan membantu Persatuan untok menjayakan segala usaha demi kepentingan negara, nusa dan bangsa.

Dengan sukachita-nya saya membuka dengan rasmi-nya Majlis Meshuarat Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia yang ke-lapan belas ini. Terima kaseh.

Faint, illegible text at the top of the page, possibly bleed-through from the reverse side.



No Siri	100
Terimaan	100/80